

PEMILIHAN BUKU CERITA DALAM PEMBELAJARAN AWAL KANAK-KANAK: SUATU TINJAUAN LITERATUR

(Selection of Storybooks in Early Childhood Education: A Literature Review)

*Adnan Mat Ali¹, Norfaezah Mohd Hamidin¹, Yaakob Hassan¹, Roslinda Ramli², Nor Hanieza Isa³

Submitted: 18-Oct-2024
Accepted: 13-Nov-2024
Revised: 12-Dec-2024
Published: 28-Dec-2024

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

How to cite:

Mat Ali, A., Mohd Hamidin, N., Hassan, Y., Ramli, R., & Isa, N. H. (2024). Pemilihan buku cerita dalam pembelajaran awal kanak-kanak: suatu tinjauan literatur: Selection of storybooks in early childhood education: a literature review. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 91-109.
<https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.243>

This article is licensed under a CC Attribution 4.0

²Fakulti Multimedia Kreatif dan Komputeran,
Universiti Islam Selangor,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

³Fakulti Pendidikan,
Universiti Islam Selangor,
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: adnan@uis.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik kepentingan pemilihan buku cerita dalam pendidikan awal kanak-kanak, dengan penekanan kepada bagaimana buku cerita dapat merangsang perkembangan kognitif, sosial, dan emosi kanak-kanak. Latar belakang kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat banyak pilihan buku cerita yang ada, pemilihan yang tepat sering kali diabaikan, mengakibatkan kanak-kanak tidak menerima manfaat sepenuhnya daripada bahan bacaan tersebut. Isu yang timbul adalah kurangnya kesedaran di kalangan pendidik dan ibu bapa mengenai pentingnya memilih buku cerita yang berkualiti, yang dapat memberi kesan positif terhadap perkembangan literasi dan empati kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan buku cerita serta menilai kesan interaksi dengan buku cerita terhadap perkembangan bahasa dan kemahiran sosial kanak-kanak. Metodologi kajian ini melibatkan analisis literatur sistematik, di mana pelbagai kajian terdahulu yang relevan telah dikaji dan dianalisis secara kritis untuk mengenal pasti tema utama dan jurang dalam penyelidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa interaksi dengan buku cerita secara konsisten dapat meningkatkan kemampuan bahasa kanak-kanak dengan ketara. Selain itu, buku cerita membantu kanak-kanak untuk menganalisis dan memahami pelbagai situasi dengan lebih baik, serta memupuk empati dengan membolehkan mereka merasai perspektif orang lain. Penemuan ini memberikan panduan berguna kepada pendidik dan ibu bapa dalam usaha mengintegrasikan buku cerita ke dalam amalan pembelajaran. Cadangan untuk kajian lanjut termasuk penyelidikan empirikal mengenai kesan pemilihan buku cerita tertentu terhadap perkembangan literasi dan sosial kanak-kanak, serta penglibatan ibu bapa dalam proses pemilihan bahan bacaan. Dengan memahami kepentingan memilih buku cerita yang berkualiti, diharapkan dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, meningkatkan minat membaca, dan menyokong perkembangan holistik kanak-kanak.

Kata kunci: Pendidikan awal kanak-kanak, Pemilihan buku cerita, Perkembangan holistik kanak-kanak, Analisis literatur sistematik, Kemahiran bahasa dan empati

Abstract

This study aims to investigate the significance of selecting storybooks in early childhood education, with an emphasis on how storybooks can stimulate children's

cognitive, social, and emotional development. The background of the study indicates that although there are many available storybooks, the appropriate selection is often overlooked, resulting in children not fully benefiting from these reading materials. A key issue that arises is the lack of awareness among educators and parents regarding the importance of choosing quality storybooks that can positively impact children's literacy and empathy development. The objectives of this study are to identify the factors influencing the selection of storybooks and to assess the effects of interaction with storybooks on children's language and social skills development. The methodology involves a systematic literature review approach, where various relevant previous studies have been critically examined and analyzed to identify key themes and gaps in the research. The findings indicate that consistent interaction with storybooks can significantly enhance children's language abilities. Additionally, storybooks help children analyze and better understand various situations while fostering empathy by allowing them to experience others' perspectives. These findings provide valuable guidance for educators and parents in their efforts to integrate storybooks into learning practices. Recommendations for future research include empirical studies on the effects of specific storybook selections on children's literacy and social development, as well as parental involvement in the reading material selection process. By understanding the importance of selecting quality storybooks, it is hoped that a conducive learning environment can be created, increasing reading interest and supporting children's holistic development.

Keywords: Early childhood education, Storybook selection, Holistic child development, Systematic literature review, Language skills and empathy

1.0 PENGENALAN

Pada peringkat awal pembelajaran kanak-kanak merupakan tempoh yang amat penting dalam perkembangan individu, di mana mereka mula berinteraksi dengan pelbagai jenis literasi. Dalam konteks ini, buku cerita memainkan peranan sebagai alat pembelajaran yang sangat berkesan. Ianya juga turut menawarkan pengalaman pendidikan yang berharga dan bermakna. Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk melihat kepentingan pemilihan buku cerita yang bersesuaian dalam pendidikan awal kanak-kanak yang berdasarkan kajian dan rujukan yang relevan.

Penggunaan buku cerita sebagai bahan pembelajaran telah mendapat perhatian yang amat meluas dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak. Pendekatan ini bukan hanya menyasarkan peningkatan kemahiran literasi sahaja, tetapi juga ianya turut menyentuh berkenaan aspek perkembangan kognitif, emosi, dan sosial kanak-kanak. Buku cerita yang melebihi daripada sekadar bahan hiburan, merupakan instrumen pendidikan yang amat berharga dalam menyumbang kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak.

Dalam kajian ini, "kanak-kanak" merujuk kepada individu yang berada dalam fasa awal perkembangan, terutamanya mereka yang berumur antara 4 hingga 6 tahun. Kategori ini termasuklah kanak-kanak prasekolah dan mereka yang baru memasuki tahap pendidikan formal. Pada peringkat ini, kanak-kanak sedang membangun kemahiran asas seperti membaca, menulis, dan berkomunikasi, serta kemampuan untuk memahami dan menghayati emosi serta interaksi sosial.

Pemilihan buku cerita yang tepat dan relevan dengan usia kanak-kanak adalah kritikal kerana ia dapat mempengaruhi perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak. Buku cerita yang mempunyai kualiti tinggi berupaya merangsang minat membaca dan menambah pengalaman literasi mereka. Melalui pendedahan berterusan kepada pelbagai tema dan konflik dalam buku cerita, kanak-kanak bukan sahaja dapat belajar tentang sesuatu bahasa tetapi juga tentang nilai-nilai kemanusiaan dan empati.

Kajian yang dilakukan oleh Ismail & Tan (2024); Ahmad & Abu (2022), menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berinteraksi dengan buku cerita secara konsisten dapat meningkatkan keupayaan bahasa mereka dengan begitu ketara. Selain itu, buku cerita juga dapat membantu kanak-kanak menganalisis dan memahami kepelbagaian situasi dengan lebih baik serta dapat memupuk empati dengan membolehkan mereka menghayati perspektif orang lain (Lim et al., 2021; Wong et al., 2023). Oleh yang demikian itu, pemilihan buku cerita yang berkualiti merupakan aspek yang amat penting dalam pendidikan awal kanak-kanak yang perlu diberi perhatian serius.

Dengan demikian, berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini akan meneliti mengapa buku cerita merupakan pilihan yang paling ideal dan utama untuk pembelajaran awal dan bagaimana pemilihan yang tepat dapat menyokong serta menyumbang kepada perkembangan holistik kanak-kanak.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kepentingan pemilihan buku cerita dalam pendidikan awal kanak-kanak. Berikut adalah objektif utama kajian ini:

2.1 Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan buku cerita.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan ingin memahami kepelbagaian faktor yang mempengaruhi keputusan pendidik dan ibu bapa dalam memilih buku cerita yang bersesuaian dan ideal untuk kanak-kanak. Ini termasuklah pertimbangan pendidik dan ibu bapa terhadap tema, nilai-nilai yang terkandung dalam buku, dan kesesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak dan.

2.2 Menilai kesan interaksi dengan buku cerita terhadap perkembangan bahasa dan kemahiran sosial kanak-kanak.

Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji bagaimana interaksi yang berterusan dengan buku cerita berupaya meningkatkan kemahiran berbahasa dan sosial kanak-kanak. Penekanan diberikan kepada bagaimana bentuk pendedahan kepada kepelbagaian jenis buku dapat memperkayakan perbendaharaan kosa kata serta dapat meningkatkan kemampuan komunikasi mereka.

2.3 Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memilih buku cerita berkualiti.

Melalui kajian ini, diharap dapat meningkatkan kesedaran di kalangan pendidik dan ibu bapa mengenai kepentingan pemilihan buku cerita yang berkualiti dan bersesuaian dengan usia kanak-kanak. Buku-buku ini bukan sahaja dapat berfungsi sebagai alat bantu dalam pendidikan tetapi juga sebagai medium untuk membentuk empati dan pemikiran kritis dalam kalangan dan pembelajaran awal kanak-kanak.

2.4 Memberikan panduan kepada pendidik dan ibu bapa dalam mengintegrasikan buku cerita ke dalam amalan pembelajaran.

Dapatan kajian ini akan menyediakan panduan yang praktikal dan sesuai bagi pendidik dan ibu bapa tentang cara yang terbaik untuk menggunakan buku cerita dalam proses pembelajaran awal kanak-kanak, termasuklah teknik pembacaan interaktif dan bagaimana cara untuk melibatkan kanak-kanak secara aktif dalam aktiviti pembelajaran khususnya dalam sesi membaca.

2.5 Cadangan untuk kajian lanjutan.

Di samping dapatan kajian, kajian ini juga akan mencadangkan perlunya dijalankan penyelidikan lanjut berkenaan kesan spesifik jenis buku cerita terhadap perkembangan literasi dan sosial kanak-kanak, serta peranan penglibatan pendidik dan ibu bapa dalam proses pemilihan bahan bacaan yang sesuai.

Berdasarkan objektif-objektif di atas, kajian ini diharap dapat memberikan wawasan mendalam tentang kepentingan pemilihan buku cerita yang berkualiti tinggi dalam pendidikan awal kanak-kanak, seterusnya menyumbang dan menyokong dalam perkembangan holistik mereka.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan analisis literatur sistematik yang bertujuan untuk mengkaji kepentingan pemilihan buku cerita dalam pendidikan awal kanak-kanak. Penggunaan pendekatan ini membolehkan para penyelidik untuk membuat penilaian dan menganalisis pelbagai bentuk kajian terdahulu yang relevan dan bersesuaian bagi mengenal pasti tema utama dan jurang dalam penyelidikan.

3.1 Pemilihan Sumber Rujukan

Sumber-sumber rujukan yang digunakan dalam kajian ini merangkumi:

- (a) Artikel jurnal yang diterbitkan kebanyakannya dalam tempoh lima tahun terakhir, termasuk juga sebahagian daripada penulisan yang dihasilkan oleh para sarjana yang terkemuka dalam bidang yang berkaitan.
- (b) Buku serta laporan penyelidikan yang mengkaji kesan pemilihan buku cerita terhadap perkembangan awal kanak-kanak.
- (c) Kajian kes yang memberikan hasil interaksi kanak-kanak dengan buku cerita tertentu.

3.2 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dilakukan melalui langkah-langkah berikut:

- (a) Pencarian Literatur: Pencarian dilakukan di pangkalan data akademik seperti Google Scholar dan pelbagai sumber lagi dengan menggunakan kata kunci seperti "pemilihan buku cerita", "pembelajaran awal kanak-kanak", dan "kesan buku cerita terhadap perkembangan awal kanak-kanak".
- (b) Kriteria Pemilihan: Kajian yang dipilih hendaklah memenuhi kriteria yang tertentu, termasuk:
 - (i) Fokus kajian hanya kepada kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun sahaja.
 - (ii) Mengandungi analisis tentang kesan pemilihan buku terhadap perkembangan kognitif, sosial, dan emosi kanak-kanak.
 - (iii) Diterbitkan dalam jurnal yang dinilai oleh pakar-pakar dalam bidang yang sama atau oleh penerbit akademik yang terkemuka.
- (c) Analisis Data: Setelah pengumpulan sumber-sumber yang relevan dilakukan, data tersebut dianalisis secara kritis untuk mengenal pasti tema-tema utama seperti:
 - (i) Kualiti buku cerita dan kesannya terhadap minat membaca di kalangan kanak-kanak.
 - (ii) Peranan buku cerita dalam pembangunan empati dan kemahiran sosial kanak-kanak.

- (iii) Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan buku oleh pendidik dan ibu bapa dalam pembelajaran awal kanak-kanak.

3.3 Penilaian Kualiti

Setiap kajian yang dianalisis dan dikaji akan dinilai berdasarkan tahap kualiti metodologi dan kesesuaiannya dengan objektif kajian. Penilaian ini dapat memastikan bahawa hanya kajian-kajian yang mempunyai bukti kuat dan hasil yang signifikan sahaja dengan tajuk kajian akan dimasukkan ke dalam analisis.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada hasil analisis terhadap literatur menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berinteraksi dengan buku cerita secara konsisten dapat meningkatkan keupayaan bahasa mereka. Kajian juga mendapati bahawa buku cerita dapat membantu kanak-kanak memahami pelbagai bentuk situasi serta dapat memupuk empati dengan membolehkan mereka menghayati perspektif orang lain (Ismail & Tan, 2024; Ahmad & Abu, 2022).

Penemuan ini memberikan panduan yang amat berharga kepada para pendidik serta ibu bapa dalam usaha mereka mengintegrasikan buku cerita ke dalam amalan pembelajaran awal kanak-kanak. Kajian lanjutan dicadangkan untuk meneroka kesan pemilihan buku cerita yang lebih spesifik terhadap perkembangan literasi dan sosial kanak-kanak, seterusnya penglibatan ibu bapa dalam proses pemilihan bahan bacaan.

Dengan metodologi yang digariskan, adalah diharapkan kajian ini dapat memberikan wawasan yang mendalam terhadap kepentingan pemilihan buku cerita yang berkualiti dan relevan dalam pendidikan awal kanak-kanak, seterusnya menyokong perkembangan holistik mereka.

5.0 PERNYATAAN MASALAH

5.1 Pemantapan Literasi Awal Kanak-Kanak di Era Digital

Dalam dunia era digital yang berkembang maju, pendidikan awal kanak-kanak turut menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menghalang mereka daripada memperolehi pendidikan literasi yang berkualiti dan berkesan. Walaupun terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa pembacaan buku cerita secara konsisten dapat membantu perkembangan bahasa, kognitif, dan emosi kanak-kanak (Ismail & Tan, 2024), namun cabaran utama yang dihadapi oleh pendidik dan ibu bapa ialah pemilihan buku cerita yang bersesuaian dan berkualiti dengan tahap umur dan perkembangan kanak-kanak.

5.2 Kepentingan Pemilihan Buku Cerita yang Berkualiti

Kekurangan pemahaman terhadap kepentingan literasi awal serta akses kepada sumber bacaan yang baik dan relevan turut memburukkan keadaan. Ramai dalam kanak-kanak yang mungkin kurang terdedah kepada bentuk amalan membaca di rumah yang disebabkan oleh kepelbagaian faktor seperti kesibukan, pengabaian ibu bapa dan ketiadaan budaya membaca (Ahmad & Hassan, 2020). Penglibatan yang aktif dalam pembacaan berupaya menyumbang dan menyokong dalam perkembangan emosi dan sosial kanak-kanak; namun, tanpa bimbingan yang sewajarnya, potensi ini sukar direalisasikan (Lim et al., 2021).

Kepelbagaian buku cerita yang terdapat di pasaran hari ini sama ada yang dijual secara langsung di kedai buku atau secara dalam talian boleh menimbulkan

kesukaran dalam memilih buku yang sesuai dengan latar belakang budaya dan pengalaman hidup kanak-kanak. Pemilihan yang kurang tepat akan memberikan kesan yang negatif terhadap minat membaca mereka (Zainuddin & Rahman, 2022). Oleh yang demikian itu, adalah penting untuk menyediakan panduan kepada ibu bapa dan pendidik tentang cara memilih buku yang betul yang dapat merangsang minat membaca dan menyokong perkembangan literasi kanak-kanak.

5.3 Strategi Pengajaran dan Penglibatan Keluarga

Tidak semua pendidik dapat memahami strategi yang berkesan untuk mengintegrasikan buku cerita ke dalam kurikulum pembelajaran awal kanak-kanak secara kontekstual dan bermakna. Terdapat keperluan yang mendesak untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang pemilihan buku cerita yang sesuai dan relevan, strategi pengajaran yang efektif dalam penggunaan buku cerita, serta penggunaan kaedah yang melibatkan keluarga dalam proses pembelajaran awal kanak-kanak. Kajian menunjukkan bahawa dengan berlakunya penglibatan keluarga dalam pendidikan awal dapat meningkatkan lagi motivasi, minat dan prestasi akademik kanak-kanak (Dearing et al., 2006; Li et al., 2023).

Di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam pembangunan literasi dan kemahiran sosial kanak-kanak. Namun, walaupun terdapat banyak buku cerita yang tersedia sama ada dalam dunia nyata atau era digital hari ini, tidak semua buku tersebut diintegrasikan secara efektif dan berkesan dalam kurikulum pendidikan awal. Penyelidikan yang dilakukan oleh para penyelidik dalam bidang ini menunjukkan bahawa pemilihan dan penggunaan buku cerita dalam pembelajaran awal kanak-kanak masih kurang mencukupi, berpotensi menghalang proses memperolehi kemahiran bahasa dan sosial yang diperlukan pada peringkat awal perkembangan (Chan et al., 2021).

5.4 Cabaran Terkini dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu dihadapi oleh para pendidik dan institusi. Cabaran-cabaran ini memerlukan perhatian, komitmen yang tinggi dan strategi yang berkesan untuk memastikan tahap pencapaian kualiti pendidikan yang tinggi. Berikut adalah beberapa cabaran terkini:

- (a) Kekurangan Sumber: Kebanyakan institusi pendidikan menghadapi kekurangan sumber rujukan serta daya yang mencukupi, termasuk bahan pembelajaran dan infrastruktur yang sesuai. Keterbatasan ini menghalang penyampaian pendidikan yang berkualiti dan berkesan, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman yang kurang mendapat perhatian (Smith, 2023).
- (b) Kesihatan Mental Pendidik: Kesihatan mental di kalangan pendidik turut menyumbang kepada permasalahan yang serius yang dapat mempengaruhi kualiti pengajaran. Di samping itu juga, faktor stres dan tekanan kerja yang tinggi boleh menyebabkan keletihan yang ekstrem, baik dari segi fizikal, emosi, dan mental. Kesan ini biasanya disebabkan oleh tekanan kerja yang berpanjangan dan tidak dapat diuruskan dengan baik, seterusnya mengurangkan kemampuan pendidik untuk memberikan pendidikan yang efektif (Johnson & Lee, 2023).
- (c) Keterlibatan Ibu Bapa: Keterlibatan ibu bapa yang efektif dalam pendidikan awal anak-anak mereka masih rendah, walaupun ia penting untuk perkembangan holistik anak-anak. Faktor seperti kekangan masa, kesibukkan ibu bapa, pengabaian dan kurangnya kesedaran tentang kepentingan penglibatan ini menyumbang kepada masalah ini (Tan, 2023).

Dengan memahami cabaran-cabaran ini dan melaksanakan strategi pengajaran yang efektif dan berkesan serta melibatkan keluarga secara aktif, diharapkan dapat meningkatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Pendekatan ini bukan sahaja dapat membantu dalam mengatasi masalah semasa tetapi juga dapat menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan dan perkembangan kanak-kanak pada masa hadapan.

Pendidikan awal kanak-kanak bukan sahaja tentang mengajar cara membaca dan menulis tetapi juga tentang bagaimana cara untuk membina asas yang kukuh bagi kecintaan terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Pemilihan buku cerita yang tepat dan bersesuaian memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk pengalaman literasi anak-anak. Oleh itu, adalah penting bagi para pendidik dan ibu bapa untuk saling bekerjasama menggembeng tenaga dalam proses memilih bahan bacaan yang berkualiti serta menerapkan strategi pengajaran yang inovatif.

Melalui penglibatan yang aktif dalam kalangan keluarga dan pemahaman mendalam tentang kepentingan literasi awal, kita dapat membantu anak-anak dalam mencapai potensi sebenar mereka. Kesedaran tentang kepentingan membaca sejak usia kanak-kanak khususnya pada umur antara 4 hingga 6 tahun perlu dipertingkatkan agar generasi akan datang dapat menikmati manfaat literasi yang berkekalan sepanjang hayat. Dengan usaha bersama dari semua pihak termasuk pendidik, ibu bapa, dan masyarakat sekeliling, kita dapat memastikan setiap anak mempunyai akses kepada pendidikan literasi yang berkualiti yang akan membentuk masa depan mereka dengan lebih cerah dan berkualiti seterusnya dapat menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan tamadun sesuatu bangsa.

6.0 SOROTAN KAJIAN

6.1 Pemantapan Literasi Awal Kanak-Kanak di Era Digital

Pemantapan literasi awal kanak-kanak menjadi semakin penting dalam era digital yang semakin berkembang maju selari dengan kemajuan teknologi. Kajian Ismail & Tan (2024), menjelaskan bahawa pembacaan buku cerita secara konsisten dan berterusan berupaya membantu perkembangan bahasa, kognitif, dan emosi kanak-kanak. Namun, cabaran yang masih menjadi isu utama adalah yang berkaitan dengan pemilihan buku cerita yang berkualiti dan sesuai untuk kanak-kanak. Dalam konteks ini, literasi awal bukan hanya melibatkan kemampuan membaca dan menulis sahaja bahkan ianya juga memerlukan pemahaman yang mendalam tentang bagaimana teknologi yang semakin berkembang dapat mempengaruhi cara kanak-kanak berinteraksi dengan bahan bacaan.

6.2 Kepentingan Pemilihan Buku Cerita yang Berkualiti

Pemilihan buku cerita yang berkualiti tinggi dan sesuai adalah penting dalam pembentukan pengalaman literasi kanak-kanak. Menurut Ahmad dan Hassan (2020), kurangnya ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kepentingan literasi awal serta akses yang terhad kepada sumber bacaan yang berkualiti menghalang perkembangan literasi kanak-kanak. Buku cerita yang baik bukan sahaja dapat memperkaya kosa kata tetapi juga dapat merangsang serta menambah minat membaca dan membina kemahiran sosial (Lim et al., 2021).

Kesukaran dalam memilih bahan yang sesuai dengan latar belakang budaya dan pengalaman hidup kanak-kanak dipengaruhi oleh kepelbagaian buku cerita di pasaran hari ini. Zainuddin dan Rahman (2022) menekankan bahawa pemilihan buku cerita yang kurang tepat boleh memberi kesan yang negatif terhadap rangsangan

minat membaca kanak-kanak. Oleh itu, penting diberikan panduan kepada para ibu bapa dan pendidik dalam memilih buku yang dapat merangsang minat membaca bagi memastikan perkembangan literasi yang positif.

6.3 Strategi Pengajaran dan Penglibatan Keluarga

Faktor penting untuk meningkatkan literasi adalah dengan wujudnya penglibatan keluarga dalam pendidikan awal kanak-kanak. Dearing et al. (2006) menjelaskan bahawa dengan penglibatan keluarga mampu meningkatkan tahap motivasi dan prestasi akademik kanak-kanak. Namun, tidak semua pendidik mampu memahami strategi yang baik dan berkesan untuk mengintegrasikan buku cerita ke dalam kurikulum pembelajaran awal secara kontekstual dan bermakna.

Hasil kajian yang dijalankan mencadangkan bahawa pendekatan kolaboratif antara pendidik dan keluarga dapat membantu dalam mengatasi cabaran ini (Li et al. 2023). Ini termasuk juga penyediaan sumber dan sokongan kepada ibu bapa untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran awal anak-anak.

6.4 Cabaran Terkini dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Masalah yang dihadapi oleh pendidikan awal kanak-kanak yang amat mencabar adalah kekurangan sumber daya, masalah kesihatan mental pendidik, dan keterlibatan ibu bapa yang rendah dan kurang memberangsangkan (Smith, 2023; Johnson & Lee, 2023; Tan, 2023). Masalah kekurangan sumber daya seperti bahan pembelajaran yang berkualiti tinggi dapat memberi kesan yang menghalang penyampaian pendidikan yang efektif. Di samping itu, masalah lain yang turut menyumbang dalam memberi kesan impak kepada kualiti pengajaran awal kanak-kanak adalah yang berkaitan dengan kesihatan mental di kalangan pendidik.

Pendidikan awal kanak-kanak bukan sahaja yang berkaitan tentang cara bagaimana mengajar membaca dan menulis dengan betul tetapi juga tentang membina asas bagi kecintaan dan minat kanak-kanak terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Pemilihan buku cerita yang tepat dan berkualiti dapat memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk pengalaman literasi anak-anak. Oleh itu, adalah amat penting bagi para pendidik dan ibu bapa untuk saling bekerjasama menggembeleng tenaga dalam memilih bahan bacaan yang berkualiti serta menerapkan strategi pengajaran yang inovatif dan bersistematik.

Melalui penglibatan secara aktif dalam kalangan ahli keluarga dan pemahaman mendalam tentang kepentingan literasi awal, kita dapat membantu anak-anak mencapai potensi penuh mereka. Kesedaran tentang kepentingan aktiviti membaca sejak usia awal perlu diusaha dan dipertingkatkan agar generasi yang akan datang dapat memperolehi manfaat literasi yang berkekalan sepanjang hayat.

7.0 PEMILIHAN BUKU CERITA UNTUK PEMBELAJARAN AWAL KANAK-KANAK

7.1 Pengaruh Positif Terhadap Perkembangan Kognitif

Salah satu sumber rangsangan penting dalam pengembangan kemahiran berbahasa kanak-kanak adalah melalui buku cerita. Tinjauan kajian oleh Whitehurst dan Lonigan (1998) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang diberikan pendedahan awal terhadap bahan bacaan dapat memperkaya perbendaharaan kata dan meningkatkan keupayaan kemahiran lisan kanak-kanak. Melalui proses kemahiran mendengar dan membaca buku cerita pula, kanak-kanak didedahkan kepada kepelbagaian gaya bahasa, seterusnya menyumbang kepada peningkatan kemahiran komunikasi mereka.

Kemahiran linguistik kanak-kanak dapat dipupuk dan terbukti berkesan melalui penggunaan buku cerita. Kajian yang dijalankan oleh Whitehurst dan Lonigan (1998) mendapati bahawa pendedahan yang kerap dan berterusan kepada kanak-kanak dalam aktiviti membaca, sama ada di rumah atau di sekolah, menunjukkan hasil perkembangan bahasa yang lebih pesat dan berkualiti berbanding dengan kanak-kanak yang kurang terdedah. Melalui buku cerita, kanak-kanak diperkenalkan kepada kepelbagaian kosa kata yang baharu, gaya bahasa yang pelbagai dan struktur ayat yang kompleks. Elemen-elemen ini menyumbang kepada peningkatan keupayaan berkomunikasi.

Penemuan hasil kajian yang terkini oleh Ahmad dan Hassan (2020) berjaya membuktikan bahawa penggunaan buku cerita digital interaktif berupaya meningkatkan dan menggalakkan tahap penglibatan serta motivasi kanak-kanak prasekolah dalam aktiviti membaca. Kajian ini mengesahkan bahawa format digital juga berpotensi memberi impak positif yang tinggi terhadap perkembangan kognitif kanak-kanak di samping buku cerita konvensional.

Penglibatan kanak-kanak secara aktif dalam aktiviti membaca dapat membantu mereka menganalisis konflik dan keputusan watak-watak, seterusnya merangsang pemikiran kritis dan kemampuan untuk meramalkan akibat kesan daripada tindakan tertentu. Applebee (1978) dalam kajian literasinya berjaya mengenalpasti bahawa penceritaan melalui buku cerita berpotensi menjadi medium yang efektif dan berkesan untuk mencetuskan perbincangan dan refleksi dalam kalangan kanak-kanak. Dengan kepelbagaian situasi dan konflik yang terdapat dalam buku cerita menyediakan platform bagi kanak-kanak untuk menilai dan mempertimbangkan pilihan-pilihan yang diambil oleh watak-watak tertentu, seterusnya mampu memupuk pemikiran kritis. Menurut Applebee (1978), sastera memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran kritis. Buku cerita sering memaparkan plot dan konflik yang kompleks yang memerlukan analisis mendalam, situasi ini dapat melibatkan kanak-kanak dalam proses pemikiran kritis. Kanak-kanak digalakkan untuk menganalisis secara kritis pilihan-pilihan yang dibuat oleh watak-watak yang terdapat dalam cerita yang mengandungi dilema moral atau situasi yang memerlukan penyelesaian masalah.

Dalam konteks pembelajaran awal kanak-kanak di Malaysia, kajian oleh Muthusamy dan Balakrishnan (2017) membuktikan bahawa aktiviti membaca melalui penggunaan buku cerita secara konsisten dalam pengajaran awal mampu meningkatkan perbendaharaan kosa kata dan kemahiran berbahasa kanak-kanak. Kajian tersebut juga turut mendedahkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti membaca bersama ibu bapa menunjukkan perkembangan dan peningkatan yang ketara dalam kemahiran berbahasa.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Zhang dan Hasan (2018) di sebuah universiti swasta di Malaysia berjaya membuktikan dan mendedahkan bahawa pembacaan buku cerita yang mengandungi elemen konflik dan penyelesaian masalah mampu membantu dalam pengembangan pemikiran kritis kanak-kanak. Melalui proses berterusan ini, kanak-kanak belajar untuk membuat ramalan dan keputusan berdasarkan situasi yang dipaparkan dalam cerita atau yang terdapat dalam buku cerita.

7.2 Pembelajaran Melalui Pengalaman Emosi

Kanak-kanak yang sering membaca buku cerita yang mengandungi unsur-unsur emosi dan perasaan mampu merasai dan menyelami perasaan serta perspektif individu lain. Kajian Davis (1996) menyatakan bahawa kanak-kanak berupaya menyelami dan merasai terhadap sebarang bentuk emosi yang terdapat dalam buku cerita seterusnya menghasilkan tindak balas empati secara langsung.

Pengalaman menyelami buku cerita membolehkan kanak-kanak memahami sudut pandangan dan perasaan orang lain, Kanak-kanak yang sering kali didedahkan dengan pengalaman menyelami buku cerita mampu memahami emosi dan perasaan individu lain. Melalui pengalaman tersebut, kanak-kanak didedahkan dengan kemahiran sosial yang akan digunakan dalam interaksi harian bersama dengan individu lain. Davis (1996), menjelaskan lagi bahawa aktiviti membaca buku cerita secara aktif yang menyentuh aspek kemanusiaan mampu memupuk serta membina rasa empati dalam diri kanak-kanak. Penglibatan kanak-kanak dengan aktiviti membaca buku cerita yang mengandungi unsur emosi dapat membantu memahami perspektif pelbagai watak. Hasil daripada kesan aktiviti membaca buku cerita yang mengandungi emosi menyentuh hati berupaya mendorong kanak-kanak untuk lebih fokus dalam proses pembelajaran.

Pengalaman kanak-kanak yang membaca buku cerita yang mengandungi elemen sedih dan mengharukan berpotensi menggalakkan motivasi kanak-kanak untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Kajian yang dilakukan oleh Mar dan Oatley (2008) mendapati bahawa faktor yang merangsang perkembangan emosi dan kognitif kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran adalah melalui pengalaman literasi.

Mar dan Oatley (2008) menekankan bahawa kanak-kanak yang menghubungkan diri mereka dengan emosi dalam aktiviti membaca secara aktif mampu mengaitkan diri mereka dengan bentuk penceritaan yang terdapat dalam buku cerita. Melalui penglibatan emosi kanak-kanak dalam aktiviti membaca menjadikan proses membaca suatu cabaran yang menarik seterusnya dapat menghayati pelbagai perasaan. Kanak-kanak lebih cenderung untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran apabila mereka berinteraksi dengan watak yang mereka gemari atau simpati yang terdapat dalam buku cerita. Justeru, ini menjelaskan kepada kita bahawa dengan aktiviti membaca bukan hanya untuk mendapatkan sesuatu maklumat sahaja, tetapi turut menyumbang dalam membina suatu ikatan emosi yang kukuh antara bahan bacaan dan kanak-kanak.

Kajian Lim et al. (2021) yang menekankan kepada kepentingan unsur budaya sesuatu bangsa dalam pemilihan buku cerita untuk pembelajaran emosi. Beliau menjelaskan bahawa buku cerita yang mengandungi fahaman terhadap sosiobudaya sesuatu kaum khususnya budaya tempatan lebih berkesan dalam memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia berbanding buku cerita dari luar negara.

